



**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEMPORNA**

**SKEMA PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021  
EKONOMI (3767/2)  
KERTAS 2**

SOALAN 1

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
1.(a)(i)	H1 Ya, Puan Yuen dianggap sebagai usahawan [1m] H2 Menggabungkan semua faktor pengeluaran dengan cekap / mengupah lima orang pekerja [1m] H3 Untuk menjalankan perusahaan membuat cendawan goreng [1m] H4 Bertujuan mencapai keuntungan yang maksimum / kos yang minimum [1m] H5 Individu yang bekerja sendiri [1m] H6 Seorang yang kreatif / inovatif / bijak membuat keputusan [1m] H7 Berani menghadapi risiko [1m]	Pilih mana-mana 4 huraian  <b>Maks. 4M</b>
1.(a)(ii)	F1 Berapa yang hendak dikeluarkan [1m] H1 Penentuan kuantiti / jumlah barang yang hendak dikeluarkan [1m] H1a Tidak berlaku masalah kekurangan atau lebih barangan di pasaran [1m] H1b Berdasarkan permintaan masyarakat / mekanisme pasaran [1m]  F2 Untuk siapa dikeluarkan [1m] H2 Penentuan corak agihan barangan [1m] H2a Berdasarkan corak agihan pendapatan [1m] H2b Golongan kaya mendapat lebih banyak barang berbanding golongan yang kurang berkemampuan [1m]	Pilih mana-mana 1 huraian berdasarkan fakta  <b>Maks. 4M</b>
1.(b)	Negara P : Sistem ekonomi perancangan pusat [1m] Negara Q : Sistem ekonomi campuran [1m]	<b>2M</b>

<p>1.(c)(i)</p>	<p>H1 <math>E_s = \text{peratus perubahan kuantiti ditawarkan} / \text{peratus perubahan harga}</math> [1m]</p> <p>H2 <math>E_s = [100 - 80 / 80 \times 100] / [45 - 40 / 40 \times 100]</math> [1m]  <math>= 25 / 12.5</math> [1m]  <math>= 2</math> [1m]</p>	<p><b>2M</b></p>
<p>1.(c)(ii)</p>	<p>H1 Keanjalan harga penawaran ialah anjal [1m]</p> <p>H2 Pekali keanjalan lebih daripada 1 [1m]</p> <p>H3 Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga [1m]</p> <p>H4 Contoh barang ialah barang perkilangan seperti perabot [1m]</p> <p>H5 Bentuk keluk lebih landai [1m]</p>	<p>Pilih mana-mana 4 huraian</p> <p><b>Maks. 4M</b></p>
<p>1.(d)</p>	<div style="text-align: center;"> </div> <p>Paksi menegak – Harga (RM) [1m]</p> <p>Titik keseimbangan – E [1m]</p> <p>Paksi mendatar – Kuantiti (unit) [1m]</p> <p>Plot yang tepat [1m]</p>	<p><b>4M</b></p>

## SOALAN 2

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
2.(a)	F1 Alat perantaraan pertukaran H1a Wang memudahkan urusan jual beli dijalankan kerana wang diterima umum sebagai medium pertukaran H1b Contohnya wang diperlukan untuk membeli kereta Proton X50 F2 Alat pengukur nilai H2a Nilai sesuatu barang dapat diukur dengan sebutan harga / RM H2b Contohnya harga kereta Proton X50 bagi varian flagship ialah RM 103,300	1 1 1 1 1 1 <b>Maks. 4M</b>
2.(b)	H1 Barang di atas bukan barang keperluan, sebaliknya barang kehendak H2 Kereta Proton X50 bukannya barang mesti yang perlu dipenuhi H3 Tujuan membeli Proton X50 adalah untuk hidup lebih selesa H4 Harganya tidak dikawal oleh kerajaan H5 Sukar untuk dipenuhi H6 Dipengaruhi oleh pendapatan	1 1 1 1 1 1 <b>Maks. 3M</b>
2.(c)	Kelebihan kemudahan overdraf: F1 Tidak perlukan cagaran atau penjamin F2 Dikenakan faedah pada jumlah yang digunakan sahaja F3 Boleh digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai Kelemahan kemudahan overdraf: F1 Dikenakan faedah yang tinggi F2 Bukan semua pemegang akaun semasa diberikan kemudahan ini	1 1 1 1 1 1

	F3 Ada had tertentu yang telah ditetapkan	1 <b>Maks. 4M</b>
d.(i)	F1 Merupakan pengeluaran jangka masa pendek H1 Ini kerana terdapat input tetap dan input berubah	1 1 <b>2M</b>
(ii)	<p>Nilai P (Jumlah keluaran) = Keluaran purata x Input berubah = 4 unit</p> <p>Nilai Q (Keluaran purata) = Jumlah keluaran / Input berubah = 4.25 unit</p> <p>Nilai R (Keluaran purata) = Jumlah keluaran / Input berubah = 4 unit</p> <p>Nilai S (Keluaran sut) = Perubahan jumlah keluaran / Perubahan Input berubah = 3 unit</p> <p>Nilai T (Keluaran sut) = Perubahan jumlah keluaran / Perubahan Input berubah = - 4 unit</p>	1 1 1 1 1 <b>5M</b>
(iii)	F1 Ketika input berubah 5 hingga 6 unit H1 Berlaku hukum pulangan berkurangan H1a Iaitu tambahan satu input berubah (buruh) secara berterusan kepada input tetap (mesin), menyebabkan peningkatan dalam jumlah keluaran tetapi tambahannya semakin berkurangan	1 1 1 <b>Maks. 2M</b>

## SOALAN 3

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
3(a)	H1 – Hospital Semporna – adalah barang awam H2 – disediakan oleh kerajaan H3 – dikenakan bayaran minimum @ tanpa dikenakan bayaran H4 – penawaran terhad H5 – berkongsi penggunaannya H6 – contoh lain spt padang awam, jalanraya, sekolah	1 1 1 1 1 1 <b>Maks. 4M</b>
3 (b)	3 cara kerajaan mengawal selia pengeluar <b>F1 Pelaksanaan Undang-Undang dan Peraturan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menetapkan peraturan dan undang-undang tertentu dalam operasi sistem pasaran</li> <li>- Untuk menjaga kebajikan masyarakat</li> <li>- Contoh undang-undang :-Akta Kawalan harga dan anti Pencatutan</li> <li>- Contoh peraturan :- manglebalkan bungkusan makanan dengan menepati kandungan sebenar makanan</li> <li>- Mengawal eksploitasi pengguna</li> <li>- Mengistiharkan barang kawalan</li> <li>- Melaksanakan dasar harga dan kuota</li> <li>- Memberi lessen kepada firma untuk menjalankan aktiviti pengeluaran</li> </ul>	1 1 1 1 1 1 1 1

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan menentukan kawasan perindustrian, kawasan perumahan, kawasan industri berat dan kawasan industri ringan</li> </ul> <p><b>F2 Pemberian Subsidi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bantuan kewangan kepada sector ekonomi</li> <li>- Untuk menstabilkan harga barang / mengurangkan kos pengeluaran</li> <li>- Meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan</li> <li>- Meningkatkan penggunaan teknik pengeluaran mesra alam / teknologi hijau</li> </ul> <p><b>F3 Cukai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kos pengeluaran meningkat</li> <li>- Jumlah penawaran merosot</li> <li>- Cukai ke atas barang yang membahayakan kesihatan pengguna / contoh : minuman keras, rokok</li> <li>- Cukai ke atas pengeluaran barang dan perkhidmatan yang membawa kepada pencemaran alam sekitar.</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 6M</b></p>
3 (c)	<p>H1 – Pendapatan negara akan merosot</p> <p>H2 – Keupayaan pengeluaran barang dan perkhidmatan akan menurun</p> <p>H3 – Produktiviti pekerja juga akan menurun</p> <p>H4 – Kemudahan infrastruktur akan menjadi bertambah merosot</p> <p>H5 – Peningkatan dalam penggunaan teknologi</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H6 – Kurangnya barangan dapat dihasilkan dan dipasarkan	1
	H7 – Kadar pengangguran meningkat	1
	H8 – Banyaknya perniagaan akan tutup	1
	H9 – Hutang kerajaan akan bertambah	<b>Maks. 5M</b>
<b>3 (d) i-</b>	Akaun semasa	1
	F1- Akaun barangan	
<b>ii-</b>	- Merekodkan jumlah nilai eksport barang nampak dengan jumlah nilai import	1
	barang nampak	1
	F2- Akaun perkhidmatan	1
	- Merekodkan eksport dan import barang tak nampak	1
	F3- Akaun pendapatan primer	1
	- Merekodkan penerimaan dan pembayaran pampasan pekerja dan pendapatan	1
	pelaburan	
	F4- Akaun pendapatan sekunder	1
	- Merekodkan penerimaan dan pembayaran bayaran pindahan	1
		<b>Maks. 4M</b>



## SOALAN 4

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
4 (a)	<p>Hubungan antara dua jenis perkhidmatan pengangkutan</p> <p>H1 Barang pengganti</p> <p>H2 Barang yang boleh diganti dengan mudah oleh barang atau perkhidmatan lain</p> <p>H3 Teksi dengan Grabcar</p> <p>H4 Apabila harga perkhidmatan teksi lebih tinggi, pengguna bertukar kepada perkhidmatan Grabcar atau sebaliknya</p> <p>H4a Maka permintaan Grabcar akan meningkat</p> <p>H5 Hubungan harga perkhidmatan teksi dengan kuantiti diminta Grabcar adalah positif</p> <p>H6 Rajah keluk yang lengkap. (Keluk yang dilabel dengan DD adalah salah)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 6M</b></p>
4 (b)	<p><b>Perkhidmatan pengangkutan Grabcar telah menjejaskan perusahaan pengangkutan teksi</b></p> <p>F1 Setuju</p> <p>H1 Sebelum menaiki Grabcar, tambangnya telah ditetapkan</p> <p>H1a Tidak dipengaruhi oleh kesesakan lalu lintas</p> <p>H2 Permintaan Grabcar lebih banyak berbanding perkhidmatan teksi</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

H3 Kelemahan yang selama ini ada pada perkhidmatan teksi telah diatasi oleh perkhidmatan pengangkutan dalam talian	1
H4 Boleh mengatasi masalah monopoli pemandu teksi dan harga pengangkutan	1
H5 Perkhidmatan dalam talian lebih mudah berbanding perkhidmatan teksi	1
H5a Lebih cepat dan mudah	1
H6 Pengguna boleh membuat tempahan hanya menggunakan aplikasi dalam telefon pintar	1
H7 Lebih selamat	1
H7a Butiran kereta dan pemandu telah diketahui sebelum menggunakan Grabcar	1
H7b Semua urusan dan perjalanan telah direkod dalam aplikasi Grabcar	1
<b>Atau</b>	<b>Maks. 6M</b>
F2 Tidak setuju	1
H8 Terdapat juga faktor-faktor lain selain kewujudan Grabcar	1
H9 Harga perkhidmatan teksi terlalu mahal	1
H10 Membebankan pengguna	1
H11 Pengguna mempunyai pilihan pengganti perkhidmatan teksi yang lebih dan murah	1

	<p>H12 Seperti pengangkutan awam yang lain</p> <p>H13 Citara pengguna terhadap perkhidmatan teksi semakin berkurang</p> <p>H14 Pengguna cenderung mengikut peredaran zaman dengan memilih perkhidmatan yang lebih moden seperti pengangkutan dalam talian</p> <p>H15 Kos pengeluaran bagi perkhidmatan teksi adalah tinggi seperti kenaikan harga minyak petrol</p> <p>H16 Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan membebankan pemilik teksi</p> <p>H17 Tambang teksi yang tidak selaras</p> <p>H18 Sikap pemandu lebih kasar</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 6M</b></p>
4 (c)	<p><b>Kesan terhadap ekonomi apabila kerajaan mengetatkan syarat terhadap pemberian lesen kepada para pemandu Grabcar</b></p> <p>TAHAP 1 (1-3 MARKAH)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon dapat menyenaraikan fakta secara ringkas tentang penentu penawaran</li> <li>• Memberi hujah ringkas</li> <li>• Penjelasan terhad kepada konsep keseimbangan pasaran</li> </ul>	

	<p>TAHAP 2 (4-6 MARKAH)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon menghuraikan fakta secara mendalam dengan melakarkan keluk keseimbangan secara ringkas/kurang tepat/keluk penawaran beralih ke kiri</li> <li>• Huraian rajah yang terhad</li> </ul> <p>TAHAP 3 (7-8 MARKAH)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon dapat menghuraikan faktor secara terperinci dengan melakarkan keluk keseimbangan dengan tepat</li> <li>• Calon dapat menghuraikan perubahan pasaran dengan tepat/ keseimbangan baharu yang disebabkan pengurangan penawaran, implikasi yang tepat</li> <li>• Calon dapat menghuraikan kesan terhadap pendapatan pemandu teksi, Grabcar dan pengguna kesan eksternaliti</li> <li>• Calon dapat mengemukakan kesimpulan/ cadangan penambahbaikan</li> </ul> <p>CONTOH JAWAPAN</p> <p>Isi rumah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan Grabcar berkurang</li> <li>• Permintaan perkhidmatan kenderaan awam akan berkurang</li> <li>• Harga perkhidmatan awam meningkat contoh teksi</li> <li>• Kepuasan pengguna turun</li> <li>• Perbelanjaan pengangkutan akan meningkat</li> <li>• Kos sara hidup meningkat</li> <li>• Taraf hidup akan menurun</li> </ul>	<p><b>Maks. 8M</b></p>
--	---	------------------------

	<p>Pemilik Grabcar/Firma</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penawaran Grabcar akan menurun</li><li>• Pendapatan pemandu Grabcar akan menurun</li><li>• Mengurangkan peluang pekerjaan</li><li>• Pendapatan pemilik Grabcar akan berkurang</li><li>• Permintaan barang dan perkhidmatan akan berkurang</li></ul> <p>Kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hasil cukai kerajaan akan berkurang</li><li>• Kadar pengangkutan akan meningkat</li><li>• Produktiviti akan berkurang</li><li>• KDNK berkurang disebabkan pengurangan dalam permintaan barang dan perkhidmatan</li><li>• Hasil kerajaan akan menurun menyebabkan kerajaan tidak dapat menjalankan projek-projek pembangunan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.</li></ul>	<p><b>Maks. 8M</b></p>
--	--	------------------------

## SOALAN 5

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
5(a)	<p>H1 Segala perbelanjaan terhadap input yang digunakan dalam proses pengeluaran</p> <p>H2 Terdapat dua jangka masa iaitu jangka masa pendek dan panjang</p> <p>H3 Jangka masa pendek wujud kos tetap dan kos berubah</p> <p>H4 Jangka masa panjang wujud kos berubah sahaja</p> <p>H5 Contoh kos berubah : kos bahan mentah / upah pekerja</p> <p>H6 Contoh kos tetap : sewa tapak</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 4M</b></p>
5(b)	<p><b>F1 Kemudahan overdraf</b></p> <p>H1 Kemudahan kepada pemegang akaun semasa</p> <p>H2 Untuk mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanannya</p> <p>H3 Tidak memerlukan cagaran atau penjamin</p> <p>H4 Boleh mengeluarkan wang mengikut keperluan</p> <p>H5 Dikenakan faedah untuk jumlah yang digunakan sahaja</p> <p>H6 Boleh digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai</p> <p>C1 Membayar gaji pekerja, sewa atau membeli stok</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	<b>F2 Pinjaman bercagar</b>	1
	H1 Kemudahan pembiayaan untuk pembelian hartanah	1
	C1 Seperti rumah , tanah dan bangunan	1
	H2 Pinjaman dikenakan faedah	1
	H3 Bayaran balik pinjaman secara ansuran	1
	H4 Kegagalan membayar balik pinjaman mengakibatkan harta yang dicagarkan	1
	akan dilelong	1
	<b>F3 Pinjaman kenderaan (Kemudahan sewa beli)</b>	1
	H1 Digunakan untuk membiayai pembelian lori	1
	H2 Menawarkan pinjaman sehingga 90% harga kenderaan	1
	H3 Tempoh bayaran balik sehingga 9 tahun	1
	H4 Peminjam dikenakan faedah	1
	H5 Bayaran secara ansuran	1
	<b>F4 Pinjaman peribadi</b>	1
	H1 Pemohon tidak memerlukan cagaran tetapi memerlukan seorang penjamin	1
	H2 Disediakan untuk peniaga kecil	1
	H3 Tempoh bayaran pinjaman dalam masa pendek	1
	H4 Faedah yang rendah disebabkan pembiayaan ditanggung oleh kerajaan	1

	<p>C1 BSN Micro I /i Kredit PENJANA</p> <p>Nota : Setiap Huraian mesti mempunyai Fakta</p>	<p>1</p> <p><b>Maks. 7M</b></p>
<p>5(c)</p>	<p>Tahap 1 [markah 1 – 3]</p> <p>Tahap 2 [markah 4 – 6]</p> <p>Tahap 3 [markah 7 – 9]</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kewujudan kemudahan pembiayaan membantu firma menambahkan modal perniagaan</li> <li>• Firma mampu meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan mengikut mekanisme pasaran</li> <li>• Pertambahan pengeluaran mendorong kepada peningkatan permintaan buruh dikalangan firma</li> <li>• Membolehkan siswazah-siswazah menganggur mengisi kekosongan jawatan yang diminta oleh firma</li> <li>• Menyebabkan kadar pengangguran dapat diturunkan sekaligus mengoptimumkan tenaga buruh disebabkan oleh penggunaan guna tenaga yang tinggi</li> <li>• Pendapatan boleh guna meningkat sekaligus meningkatkan tabungan pengguna, kuasa beli pengguna dan taraf hidup pengguna</li> <li>• Permintaan pengguna terhadap barang dan perkhidmatan meningkat menyebabkan pertumbuhan ekonomi akan bertambah baik sekaligus meningkatkan pendapatan negara</li> </ul>	<p><b>Maks. 9M</b></p>



## SOALAN 6

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
6 (a)	<p>Jenis pengangguran yang terdapat dalam petikan</p> <p>H1 Pengangguran kitaran</p> <p>H2 Berlaku apabila ekonomi lembap</p> <p>H3 Tenaga buruh hilang pekerjaan</p> <p>H4 Pengurangan pengeluaran menyebabkan firma memberhentikan operasi</p> <p>H5 Pengurangan permintaan agregat menyebabkan pengurangan pengeluaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 4M</b></p>
6 (b)	<p>Kesan pengangguran terhadap ekonomi</p> <p>Isi rumah</p> <p>H1 Pendapatan berkurang</p> <p>H2 Kuasa beli jatuh</p> <p>H3 Permintaan berkurang</p> <p>H4 Taraf hidup menurun</p> <p>H5 Harga barang lebih murah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	<p>Firma</p> <p>H6 Produktiviti menurun 1</p> <p>H7 Pengeluaran berkurang 1</p> <p>H8 Keuntungan firma menurun 1</p> <p>H9 Firma kecil menutup operasi dan firma besar kecilkan operasi 1</p> <p>Negara</p> <p>H10 Kadar pengangguran meningkat/guna tenaga berkembang 1</p> <p>H11 KDNK berkurang 1</p> <p>H12 Pertumbuhan ekonomi menurun 1</p> <p style="text-align: right;"><b>Maks. 7M</b></p>	
6 (c)	<p><b>CADANGAN JAWAPAN</b></p> <p><b>TAHAP 1 (1-3 MARKAH)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang terhad dalam teori ekonomi yang relevan</li> <li>• Hanya menyenaraikan fakta sahaja</li> <li>• Jawapan secara umum</li> </ul> <p><b>CONTOH:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak memilih pekerjaan</li> <li>• Buka perniagaan secara kecil-kecilan</li> <li>• Perniagaan dalam talian</li> </ul>	

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dropship</li><li>• Youtuber</li><li>• Bekerja sebagai grab food atau personal shopper</li><li>• Mengusahakan tanah terbiar</li><li>• Menambahkan ilmu untuk untuk menambahkan kemahiran Bahasa dan komunikasi</li></ul> <p>TAHAP 2 (4-6 MARKAH)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Berupaya mengaplikasi fakta, teori dan prinsip asas ekonomi dengan jelas berkaitan dengan tugas</li><li>• Maklumat dijelaskan dengan teratur</li><li>• Idea disampaikan adalah logik dan berkaitan</li></ul> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Menerima pekerjaan walaupun upah diterima tidak sepadan dengan kelayakan yang ada untuk menimba pengetahuan dan pengalaman.</li><li>• Mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti gerai makanan dan minuman.</li><li>• Bekerja dari rumah yang tidak memerlukan tapak perniagaan dan pekerja bagi perniagaan secara dalam talian.</li><li>• Jika tiada modal, boleh menjadi 'dropship' iaitu mencari pelanggan untuk suatu perniagaan dan mendapat komisen.</li><li>• Mengusahakan tanah terbiar sebagai petani seperti penanam sayur-sayuran atau penternak.</li><li>• Meningkatkan kualiti hidup dengan menghadiri seminar atau bengkel Bahasa Inggeris dan bengkel komunikasi.</li></ul>	
--	--	--

	<p>TAHAP 3 (7-9 MARKAH)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengemukakan idea dengan bernas, kreatif dan rasional berkaitan tindakan menangani kesan inflasi.</li> <li>• Huraian yang sangat jelas dan matang.</li> <li>• Mengemukakan bukti/contoh yang betul dan tepat berkaitan tindakan menangani kesan pengangguran.</li> </ul> <p>CONTOH:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pendapatan – kuasa beli meningkat – permintaan kehendak meningkat – kepuasan hidup meningkat – taraf hidup meningkat.</li> <li>• Menjadi usahawan berjaya – meluaskan perniagaan hingga pasaran antarabangsa – meningkatkan imej Negara.</li> <li>• Mengurangkan gejala sosial dan jenayah – keharmonian rumah tangga – keluarga terpelihara – melahirkan anak-anak berjaya – modal insan berkualiti – mengharumkan nama negara.</li> <li>• Mengurangkan kadar pengangguran – capai guna tenaga penuh – produktiviti meningkat – KDNK meningkat – pertumbuhan ekonomi meningkat.</li> <li>• Bekerja sebagai grab food atau personal shopper.</li> </ul>	<p><b>Maks. 9M</b></p>
--	--	------------------------

## SOALAN 7

SOALAN	SKEMA JAWAPAN	MARKAH
7 (a)	<p>H1 – pengambilalihan syarikat tempatan yang beroperasi di Malaysia oleh syarikat asing</p> <p>H2 – syarikat asing mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan</p> <p>H3 – syarikat asing membuka anak syarikat yang beroperasi di Malaysia / membuka subsidiari</p> <p>H4 – pihak asing membuka aktiviti pengeluaran di Malaysia / membina kemudahan pengeluaran di negara lain</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 4M</b></p>
7 (b)	<p><b>Impak positif kepada negara</b></p> <p>F1 – merencanakan pertumbuhan ekonomi</p> <p>H1a – kemasukan FDI meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan melalui penggunaan teknologi canggih</p> <p>H1b – produktiviti pekerja meningkat kerana peningkatan kemahiran dan penggunaan kaedah pengeluaran baharu</p> <p>F2 – meningkatkan modal pelaburan negara</p> <p>H2a – lebih banyak modal FDI digunakan untuk meningkatkan pengeluaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

		1
	H2b – pemilikan ekuiti asing dalam firma tempatan bagi membantu firma tempatan yang menghadapi masalah pembiayaan modal	1
	H2c – peningkatan modal membolehkan firma tempatan menggunakan kaedah pengeluaran lebih baik dan terkini serta meningkatkan produktiviti firma	1
	H2d – daya saing firma tempatan dapat ditingkatkan	
	meningkatkan modal pelaburan negara	1
	F3 – mewujudkan pindahan teknologi	1
	H3a – lebih banyak teknologi canggih dibawa masuk dan meningkatkan produktiviti firma tempatan dan aktiviti pengeluaran	1
	H3b – contoh, kemasukan mesin dan jentera canggih serta kaedah pengeluaran yang lebih baik dan tatacara baharu dalam pengeluaran	1
	H3c – firma tempatan mendapat bimbingan dan latihan serta syarat ketat daripada syarikat multinasional yang mereka bekalkan bahan mentah	1
	H3d – dapat meningkatkan mutu penghasilan bahan mentah dan meningkatkan daya saing	
	F4 – meningkatkan modal insan negara	1
	H4a – firma asing melatih pekerja tempatan supaya lebih mahir dan cekap	1
	H4b – firma asing mempunyai modal lebih besar untuk dibelanjakan untuk latihan dan mempunyai kualiti pengurusan baik	1
	H4c – peningkatan kemahiran pekerja akan meningkatkan produktiviti firma	1

	<p><b>Impak negatif kepada isi rumah</b></p> <p>F5 – menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan 1</p> <p>H5a – upah dan insentif diberikan firma asing lebih baik berbanding firma tempatan 1</p> <p>H5b – kesannya, pekerja di firma asing menerima pendapatan dan elaun serta kemudahan lebih baik banding pekerja di firma tempatan 1</p> <p>H5c – wujudnya ketidakseimbangan pendapatan dalam negara 1</p> <p>H5d – persaingan sengit (syarikat-syarikat gergasi) menyebabkan firma tempatan sukar meneruskan operasi perniagaan dan menjejaskan pendapatan firma tempatan 1</p> <p>F6 – mengakibatkan kemusnahan alam sekitar 1</p> <p>H6a – sebahagian besar firma asing melabur di Malaysia ingin mengeksploitasi sumber alam ada di Malaysia 1</p> <p>H6b – penerokaan dan pengeluaran sumber alam tanpa kawalan membawa kepada kemusnahan alam sekitar 1</p> <p>H6c – menyebabkan pelbagai kesan buruk kepada alam seperti hakisan tanah, banjir kilat dan lain-lain 1</p> <p>**kata tugas <b>bincang</b> – perlu ada kesan positif &amp; kesan negatif kepada unit ekonomi berbeza 1</p> <p>**mana-mana jawapan yang munasabah</p>	<p><b>Maks. 7M</b></p>
--	--	------------------------

7 (c)	<p>Tahap 1 [markah 1 – 3]</p> <p>Tahap 2 [markah 4 – 6]</p> <p>Tahap 3 [markah 7 – 9]</p> <p><b>CADANGAN JAWAPAN</b></p> <p>F1 – FDI boleh digalakkan dengan memberi kelonggaran dan galakan tertentu</p> <p>F2 – melalui liberasi perdagangan</p> <p>H2a – iaitu tiada syarat / sekatan dalam hubungan dagangan antara sebuah negara dengan negara lain</p> <p>H2b – memberikan kelonggaran kepada individu / syarikat asing membuat pegangan ekuiti asing di Malaysia</p> <p>H2c – kelonggaran tersebut mendorong banyak pelabur asing membeli sehingga 100% ekuiti dalam syarikat terlibat secara langsung dalam pengeluaran</p> <p>F3 – membenarkan pelabur asing melabur dalam pembukaan syarikat yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran</p> <p>H3a – juga boleh membuka cawangan syarikat asing di Malaysia yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran</p> <p>F4 – memberi insentif cukai kepada pelaburan asing khususnya dalam bidang pelaburan yang banyak memberi kebaikan kepada Malaysia</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>
-------	--	--



	<p>H4a – seperti pelaburan yang memberikan pindahan teknologi tinggi dan melibatkan industri baharu</p> <p>H4b – insentif cukai diberikan dalam bentuk pengurangan cukai / Galakan Cukai Perintis</p> <p>F5 – menyediakan tenaga burh tempatan yang mahir dan separuh mahir untuk bekerja di syarikat milikan asing</p> <p>H5a – melalui pembinaan pusat kemahiran dan institusi pengajian yang bersesuaian</p> <p>F6 – menyediakan kawasan perindustrian yang mencukupi dengan kemudahan dan bersesuaian untuk firma asing membuka syarikat mereka</p> <p>**mana-mana jawapan yang munasabah</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p><b>Maks. 9M</b></p>
--	---	---